

Keberkesanan Program Kerohanian "Salam Ad-Dhuha" di Kolej Komuniti Segamat

Farah Ellina Khaidzir
Kolej Komuniti Segamat
faraellina@kkseg.edu.my

Aslinda Mohd Noor
Kolej Komuniti Segamat
aslindamdnoor@gmail.com

Halim Paimun
Kolej Komuniti Segamat
halimpaimun@gmail.com

Nur Aqidah Abdullah
Kolej Komuniti Segamat
qid.abdullah88@gmail.com

Siti Nur Fariha Hisham
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
farihahisham97@gmail.com

Abstract

The Teaching and Learning Process is one of the important elements to determine students' academic excellence. However, the formation of staffs and students' personality is also vital to provide balance for each individual towards excellence. This study was conducted to determine the effectiveness of the "Salam Ad-Dhuha" program. It is continuously conducted on staffs and students at Segamat Community College, Johor. The study involved 73 respondents from staffs and students. In this study, a set of questionnaires were distributed as a research instrument to determine the effectiveness of the "Salam Ad-Dhuha" program. Overall, the analysis showed that 98.6% of respondents agreed to implement "Salam Ad-Dhuha" program at Segamat Community College. The results of this study also showed that 68.5% of respondents strongly agree that "Salam Ad-Dhuha" program has positive impact on staffs and students. Therefore, the implementation of "Salam Ad-Dhuha" program is hoped to be continued by Segamat Community College, Johor to achieve institutional excellence, and for staffs and student development. Nonetheless, the implementation methodology needs to be reviewed so that it can be improved and help furthermore can increase students and staffs' personality.

Keywords: *salam Ad-Dhuha, self-development, positive*

Abstrak

Proses Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) merupakan antara elemen yang penting dalam menentukan kecemerlangan akademik pelajar. Namun begitu, pembentukan sahsiah staf dan pelajar juga penting bagi memberikan keseimbangan demi kecemerlangan setiap individu yang

terlibat. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti tahap keberkesanan program "Salam Ad-Dhuha" yang dijalankan terhadap staf dan pelajar di Kolej Komuniti Segamat, Johor. Kajian ini melibatkan seramai 73 orang responden dari kalangan staf dan pelajar. Dalam kajian ini, satu set soal selidik sebagai instrumen kajian digunakan untuk mengetahui keberkesanan program "Salam Ad-Dhuha". Secara keseluruhannya, analisis tersebut telah membuktikan bahawa 98.6% responden bersetuju terhadap pelaksanaan program "Salam Ad-Dhuha" yang dilakukan di Kolej Komuniti Segamat. Hasil kajian ini menunjukkan 68.5 % responden sangat bersetuju bahawa program "Salam Ad-Dhuha" memberi implikasi positif dari kalangan staf dan pelajar. Oleh itu, keberkesanan terhadap pelaksanaan program "Salam Ad-Dhuha" ini diharapkan boleh diteruskan oleh pihak Kolej Komuniti Segamat, Johor demi mencapai kecemerlangan institusi, pembentukan sahsiah staf dan pelajar. Walau bagaimanapun, kaedah pelaksanaannya perlu dikaji semula supaya ianya dapat ditambahbaik sekaligus membantu menaikkan sahsiah diri semua pihak yang terlibat terutamanya pelajar dan staf Kolej Komuniti Segamat, Johor.

Kata kunci: salam ad-dhuha, pembangunan diri, positif

1.0 Pengenalan

Negara yang sedang pesat membangun memerlukan lebih ramai lagi golongan anak muda atau pelajar yang berkualiti dalam pelbagai bidang. Ilmu pengetahuan yang luas merupakan elemen terpenting yang perlu ada dalam kehidupan seorang individu yang bergelar pelajar. Seperti mana yang dikaji oleh Musliha Salma Mohd Radzi, Rohana Hamzah dan Amimudin Udin (2011), proses pembelajaran mahupun keperluan pendidikan yang seimbang mampu menjayakan impian negara dalam mengejar hasrat melahirkan pelajar yang berkualiti daripada semua aspek kehidupan. Justeru itu, pelajar perlu terus memajukan diri dalam pelbagai ilmu pengetahuan agar masa depan pelajar dan negara terus cemerlang.

Oleh itu, program "Salam Ad-Dhuha" yang dijalankan di Kolej Komuniti Segamat, Johor merupakan salah satu bentuk pembelajaran khusus bagi pelajar dan staf yang beragama Islam. Tambahan pula, program ini merupakan satu pendedahan yang baik dan perlu diterapkan dalam diri pelajar. Program ini dapat membantu pelajar dari segi memantapkan kerohanian dan pembangunan diri mereka. Seperti mana yang disebutkan oleh Abd. Rashid Hj. Ahmad (1995), kewajipan ibadah solat yang dituntut dalam Islam merupakan salah satu elemen dalam proses pendidikan selain ianya merupakan perintah oleh Allah S.W.T.

Solat sunat dhuha merupakan salah satu solat sunat yang dilakukan pada waktu "saat matahari naik lebih kurang sepenggalan (istiwak). Dinyatakan bahawa Rasulullah sering melaksanakan 8 rakaat dan paling banyak yang disabdakan oleh baginda ialah 12 rakaat. Paling sedikit yang boleh dikerjakan oleh 2 rakaat." (Md. Baharuddin bin Abdul Rahman, Khairul Thalleh bin Mustafa dan Abdul Mutalib bin Abdul Majid, 2016). Menurutnya, solat sunat merupakan amalan yang dituntut oleh Allah S.W.T dalam kehidupan seharian hamba-Nya. Amalan-amalan sunat perlulah dilakukan atas dasar kerelaan hati seseorang hamba demi menampung kelompangan amalan- amalan fardhu yang sememangnya menjadi kewajipan seorang Muslim.

Merujuk Nur Shahidah, Yusmini dan Norrodzoh (2015), "remaja adalah generasi penting kepada masa depan negara. Oleh itu, negara amat memerlukan remaja yang membangun secara holistik dari segenap aspek, spiritual, emosi, intelek, sosial dan fizikal. Namun, perubahan zaman pada era globalisasi kini menjadi cabaran kepada proses pembangunan tersebut. Motivasi adalah elemen yang amat penting dalam usaha membangunkan diri remaja di samping mengekang masalah sosial. Hakikatnya, motivasi didapati semakin merosot pada usia remaja." Seajar dari pernyataan penyelidik tersebut, pihak Kolej Komuniti Segamat mengambil langkah pertama secara drastik dengan mengadakan program "Salam Ad-Dhuha" sebagai medium utama dalam membentuk hubungan silaturahim antara golongan pelajar dengan staf dalam menangani pelbagai masalah sosial yang semakin mencabar serta dapat memotivasikan pelajar tentang kepentingan solat dalam kehidupan seharian.

2.0 Pernyataan masalah

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan melalui pemantauan audit akademik di Kolej Komuniti Segamat, Johor mendapati bahawa masih terdapat segilintir pelajar yang masih lalai menjalankan tanggungjawab dalam melaksanakan solat lima waktu sebagai tonggak agama. Permasalahan ini dapat dilihat melalui kehadiran pelajar dalam menunaikan solat fardhu di surau kolej berada di tahap tidak memuaskan. Masalah ini turut sama telah dikaji oleh Hasna Bidin (2016), apabila kajian yang dijalankan menunjukkan respon negatif terhadap pelaksanaan solat yang dijalankan oleh para pelajar. Penglibatan pelajar juga tidak dapat memenuhi catatan kehadiran dalam aktiviti kerohanian di Kolej Komuniti Segamat, Johor. Oleh itu, tidak hairanlah apabila terdapat pelbagai masalah sosial yang timbul dalam kalangan para pelajar. Shukri Ahmad et al. (2014), mengatakan sikap pelajar yang tidak takut akan Allah dan sering meninggalkan solat akan mendorong mereka untuk terlibat dalam pelbagai gejala negatif seperti melepak, ponteng kelas, pergaulan bebas dan sebagainya. Menyedari hakikat ini, berkemungkinan mereka tiada penekanan ilmu agama yang mendalam dan perlu diberi pendedahan yang lebih terutamanya dalam usia remaja yang dalam proses mencari identiti mereka masing-masing.

3.0 Objektif

Kajian Yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan program "Salam Ad-Dhuha" yang dilaksanakan di Kolej Komuniti Segamat, Johor. Melalui kajian ini juga dapat menilai tahap responden terhadap implikasi tentang kewajipan menunaikan solat dan kelebihan solat sunat dhuha serta bacaan Al-Quran dalam kehidupan seharian bagi seorang pelajar. Di samping itu juga kajian ini adalah untuk mengukur tahap keberkesanan program "Salam Ad-Dhuha" sebagai medium utama Kolej Komuniti Segamat, Johor untuk membantu memantapkan pembangunan diri dan sahsiah pelajar.

4.0 Kajian literatur

Kajian mengenai pelaksanaan program kerohanian dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti yang lain setakat ini belum begitu meluas. Namun, tinjauan penyelidik mendapati terdapat beberapa penyelidik yang membuat kajian mengenai skop yang sama. Berdasarkan pernyataan permasalahan yang dikaji, masalah sosial yang berlaku dalam kalangan pelajar kemungkinan berpunca daripada kurangnya penekanan pendidikan ilmu agama dalam diri. Hal ini sekaligus dapat memberi impak negatif kepada pencapaian akademik pelajar. Kajian yang dilakukan oleh Fatimah binti Ali (2007), menyokong pernyataan ini bahawa masalah sosial dan disiplin pelajar yang tidak terkawal dapat memberi kesan negatif ke atas pencapaian akademik pelajar serta pembangunan diri pelajar.

Selain itu, Salasiah Hanin Hamjah, Ermy Azziaty Rozali, Rosmawati Muhammad Rasit dan Zainab Ismail (2012), telah melakukan kajian ke atas perkaitan amalan spiritual dengan pencapaian akademik pelajar. Hasil kajian yang dijalankan oleh penyelidik mendapati bahawa amalan kerohanian merupakan aspek penting yang dapat dihubungkan dengan prestasi akademik seseorang. Namun begitu, penyelidik juga menekankan bahawa aspek-aspek lain juga memainkan peranan dalam membantu pencapaian akademik pelajar. Berdasarkan hasil kajian tersebut, jelaslah bahawa amalan-amalan kerohanian perlu dipupuk dalam kalangan pelajar kerana terdapat kajian lain turut membuktikan amalan solat fardhu kurang diberi perhatian meskipun pemahaman pelajar terhadap ilmu solat itu sangat tinggi. Hal ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Husna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddiin dan Mohd Ismail Mustari (2015) di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. Kajian yang dilakukan adalah untuk mengenalpasti tahap kefahaman solat fardhu dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. Kajian ini melibatkan responden seramai 75 orang yang dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa kefahaman responden terhadap solat fardhu adalah sangat tinggi.

Walau bagaimanapun, pengamalan dalam menunaikan ibadah solat masih belum konsisten (*istiqomah*) meskipun mereka mempunyai tahap pemahaman yang tinggi tentang kewajipan ibadah solat. Pelaksanaan ibadah solat fardhu oleh pelajar Kolej Komuniti yang masih di tahap sederhana dan lemah telah dikesan oleh kajian yang dilakukan oleh Hasna Bidin (2016). Tujuan kajian dijalankan adalah untuk mengesan tahap pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar Muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor. Sampel kajian terdiri daripada 419 orang daripada 1408 pelajar Muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor. Soal selidik yang dilakukan terbahagi kepada lima skop utama iaitu tahap pengetahuan solat, pelaksanaan solat, faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar untuk menunaikan solat fardhu, faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar untuk meninggalkannya dan kesan-kesan yang dirasai pelajar hasil daripada menunaikan solat fardhu. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan pengamalan pelajar terhadap solat masih di tahap sederhana dan lemah

walaupun pengetahuan mereka di tahap yang baik. Kajian juga mendapati kesan meninggalkan solat membawa kepada impak yang tinggi dalam membentuk akidah dan akhlak pelajar serta pembangunan diri pelajar.

5.0 Metodologi kajian

5.1 Teori Kajian

Teori Maslow dikatakan telah memberi alternatif baru dalam bidang psikologi di barat. Beliau telah memberikan satu nafas baru kepada aspek pembangunan manusia yang lebih berbentuk humanistik. Ianya telah mengutamakan hal-hal berkaitan individu dan hubungannya kepada sekelilingnya. Menurut Nor Nazimi et al (2017), "pembangunan manusia menurut Maslow ialah berpandukan kepada pembangunan tahap keperluan manusia. Menurut Maslow, manusia mempunyai keperluan asas. Apabila manusia dapat memenuhi keperluan asas maka, akan memotivasikan manusia untuk mencapai kepuasan dalam diri mereka sendiri." Apabila pelaksanaan "Salam Ad-Dhuha" diterapkan kepada pelajar dan staf Kolej Komuniti Segamat, peningkatan kehadiran pelajar dan staf dalam pelaksanaan program "Salam Ad-Dhuha" di mana kesemuanya sangat memberi implikasi positif seperti penyertaan tazkirah, pembacaan Yasin dan kehadiran awal ke kelas PdP serta peningkatan silaturahim antara semua staf dan pelajar.

5.2 Rekabentuk kajian

Penyelidik menjalankan kajian berbentuk deskriptif. Mengikuti kajian Ang Kean Hua (2016), "Kajian penyelidikan deskriptif melibatkan data yang dikumpul daripada keseluruhan populasi dan analisis umum yang digunakan adalah frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai dan taburan skor dalam membentangkan laporan". (p. 18). Hasil dapatan diperolehi melalui sampel daripada responden yang bertujuan untuk mengetahui tahap keberkesanan program "Salam Ad- Dhuha" di Kolej Komuniti Segamat, Johor.

5.3 Populasi dan sampel kajian

Kajian ini melibatkan populasi staf dan pelajar pada sesi Mac 2018 iaitu seramai 90 orang. Sampel kajian pula telah dipilih secara rawak seramai 73 orang daripada jumlah keseluruhan populasi tersebut. Sampel-sampel berikut diperoleh menerusi lima program yang terdapat di Kolej Komuniti Segamat, Johor iaitu Sijil Animasi 2D, Sijil Teknologi Elektrik, Sijil Penyelenggaraan Bangunan, Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian dan Sijil Teknologi Pembuatan. Jumlah sampel seramai 73 orang itu bersesuaian dengan jadual penentuan saiz sampel Krecjie and Morgan (1979).

5.4 Instrumen kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk kajian tinjauan. Penggunaan kajian tinjauan adalah sangat sesuai digunakan dalam mengkaji bidang sains sosial dan ia hanya menggunakan pengedaran borang soal selidik. Soal selidik tersebut juga mudah untuk dikumpulkan sebaik sahaja responden selesai menjawab soalan yang diberikan dalam tempoh masa yang singkat (Chua, 2006). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen adalah penting


bagi memastikan dapatan yang diperolehi boleh dipercayai dan tidak dipersoalkan (Kerlinger & Lee, 2001). Dengan itu, memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen adalah penting untuk mengesahkan kebolehpercayaan dan kualiti instrumen yang digunakan. Langkah pertama memastikan kualiti instrumen ialah dengan memastikan kesahan instrumen yang digunakan diikuti langkah seterusnya, iaitu menentukan kebolehpercayaan. Kesahan instrumen aspek kandungan adalah aspek penting dalam memastikan item ujian yang digunakan benar-benar sah. Kesahan sesuatu alat pengukuran atau instrumen merujuk kepada sejauh mana instrumen berkenaan dapat mengukur aspek yang diperlukan. Penyelidik menggunakan set soal selidik yang bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada staf dan pelajar Kolej Komuniti Segamat, Johor berhubung persepsi mereka terhadap program "Salam Ad-Dhuha" yang dijalankan. Set soal selidik yang digunakan adalah dibina sendiri oleh pengkaji yang dinamakan sebagai Soal Selidik Program "Salam Ad-Dhuha". Dalam kajian ini, set soal selidik ini mengandungi 10 item dan pengkaji menggunakan skala Likert empat mata. Dua orang pensyarah yang mempunyai gelaran Doktor Falsafah (PhD) dirujuk untuk mendapatkan pengesahan tentang kesahan muka dan kesahan kandungan bagi soal selidik yang dibangunkan. Kesahan konstruk soal selidik pula diukur dengan menggunakan nilai korelasi antara skor setiap item dengan jumlah skor berkenaan. Hal ini boleh dilakukan dengan menggunakan analisis korelasi Pearson antara skor setiap item dengan jumlah skor mengikut konstruk yang berkenaan. Kaedah ini adalah bersesuaian dengan teori yang dikemukakan oleh Abu Bakar (1987) dan Nunnally (1967).

6.0 Dapatan dan analisis

Satu soal selidik telah diedarkan secara rawak kepada pelajar dan pensyarah Kolej Komuniti Segamat, Johor dan seramai 73 orang responden berjaya diperolehi. Soal selidik tersebut mempunyai 10 item dan disertakan skala Likert untuk memudahkan responden. Skala tersebut bermula dengan 1 iaitu Sangat Tidak Setuju, 2 dengan Tidak Setuju, 3 adalah Setuju dan 4 dengan Sangat Setuju. Keputusan soal selidik adalah seperti berikut.

Jadual 1: Pengisian aktiviti dalam Program “Salam Ad-Dhuha”
ITEM 1

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid 1.00	1	1.4	1.4	1.4
2.00	1	1.4	1.4	2.7
3.00	22	30.1	30.1	32.9
4.00	49	67.1	67.1	100.0
Total	73	100.0	100.0	




Rajah 1: Kesesuaian pengisian aktiviti dalam Program “Salam Ad-Dhuha”

Berdasarkan Jadual 1 dan Rajah 1 di atas, item 1 berkenaan pengisian program “Salam Ad-Dhuha” samada ianya bersesuaian dengan persekitaran untuk pelajar dan staf di Kolej Komuniti Segamat, Johor. Antara pengisian aktiviti dalam program Salam Ad-Dhuha selama satu jam melibatkan bacaan yaasin, solat dhuha, tazkirah, penyampaian maklumat dan kaunter ‘free food’ bagi pelajar Kolej Komuniti Segamat, Johor. Dari jumlah responden 73 orang telah menunjukkan seramai 49 orang dengan kadar peratus 67.1% adalah sangat bersetuju dengan kenyataan berikut. 30% daripada responden dengan jumlah 22 responden pula bersetuju manakala terdapat seorang reponden bagi skala 1 dan 2 yang dilihat berasa kurang setuju dengan persekitaran Kolej Komuniti Segamat, Johor dengan masing-masing mencatatkan 1.4%.

Jadual 2: Pendedahan kepentingan ilmu dalam Program “Salam Ad-Dhuha”**ITEM 4**


		Frequenc y	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	2.00	2	2.7	2.7	2.7
	3.00	22	30.1	30.1	32.9
	4.00	49	67.1	67.1	100.0
	Total	73	100.0	100.0	

**Rajah 2:** Kesan Program “Salam Ad-Dhuha” terhadap diri pelajar

Jadual 2 menunjukkan frekuensi dan peratusan untuk item 4 iaitu berkenaan pendedahan yang lebih mendalam tentang kepentingan ilmu agama. 67.1% (49 orang) daripada 73 orang sangat bersetuju dengan item ini manakala 30.1% bersetuju akan pendedahan pengisian program “Salam Ad-Dhuha”. Namun begitu, 2.7% mewakili dua orang responden tidak bersetuju akan wujudnya pendedahan kepentingan ilmu agama pada program ini. Menurut dapatan analisa ini, dapatlah kita merumuskan bahawa program Salam Ad-Dhuha ini memberikan kesan dalaman pada diri dalam pembangunan diri serta sahsiah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2. Daripada ‘Amru bin Syu’aib, daripada bapanya, daripada datuknya berkata, sabda Rasulullah saw: “Perintahlah anak-anakmu mendirikan solat ketika mereka berumur tujuh tahun dan pukuliah mereka jika meninggalkannya ketika berumur sepuluh tahun serta pisahkan tempat tidur mereka (Mohd Murtadza Ahmad, 2019). Melalui hadis tersebut, jelas menunjukkan hubungan kerohanian sangat penting dan wajib terutamanya dalam peringkat didikan awal. Pihak pengurusan Kolej Komuniti Segamat, Johor mengharapkan dengan adanya program Salam Ad-Dhuha ini dapat memberikan hubungan rohani yang dapat membentuk perkembangan pelajar yang lebih positif.

Jadual 3: Penglibatan Pelajar dan Staf dalam Program “Salam Ad-Dhuha”
ITEM 5

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	1.00	4	5.5	5.5	5.5
	2.00	2	2.7	2.7	8.2
	3.00	18	24.7	24.7	32.9
	4.00	49	67.1	67.1	100.0
	Tota 1	73	100.0	100.0	




Rajah 3: Keterlibatan pelajar dan staf perlu dalam Program “Salam Ad-Dhuha”

Jadual 3 di atas menunjukkan peratusan bagi item 5 berkenaan penglibatan pelajar dan staf bagi setiap sesi “Salam Ad-Dhuha”. Rajah 3 menunjukkan dengan lebih terperinci iaitu sebanyak 67.1% responden sangat bersetuju dan 24.7% bersetuju dengan penglibatan semua pelajar dan staf pada program ini, manakala 2.7% tidak bersetuju dan 5.5% sangat tidak bersetuju akan penglibatan ini. Dapatan analisa diatas menunjukkan seramai 67 orang responden sangat setuju dan setuju dalam pelaksanaan program Salam Ad-Dhuha, dengan nilai sebanyak 91.8 %, jelas menunjukkan penglibatan semua staff dan pelajar dipersetujui serta memperlihatkan impak keberkesanan pelaksanaan Salam Ad-Dhuha. Bagi menguatkan pelaksanaan program Ad-Dhuha tersebut, pihak pengurusan akademik dan pembangunan pelajar telah menetapkan pelaksanaan aktiviti Dhuha ini dalam jadual waktu semua pelajar Kolej Komuniti Segamat, Johor tanpa pengecualian.

Jadual 4: Implikasi Positif dalam Program “Salam Ad-Dhuha”
ITEM 7

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	1.00	1	1.4	1.4	1.4
	3.00	22	30.1	30.1	31.5
	4.00	50	68.5	68.5	100.0
	Total	73	100.0	100.0	



Rajah 4: Responden bersetuju Program “Salam Ad-Dhuha” membawa impak positif kepada pensyarah dan staf Kolej Komuniti Segamat


Bagi Jadual 4, seramai 68.5% responden sangat bersetuju dan 30.1% bersetuju dengan item 7 iaitu berkenaan implikasi positif yang dibawa oleh program “Salam Ad-Dhuha” dalam aspek pembangunan diri dan rohani terhadap pelajar dan staf Kolej Komuniti Segamat, Johor. Namun begitu, 1.4% responden sangat tidak bersetuju dan merasakan program ini tidak berjaya membawa impak positif kepada pensyarah dan staf Kolej Komuniti Segamat. Hasil dari analisa statistik ini seperti yang ditunjukkan dalam rajah 4, pihak pengurusan Kolej Komuniti Segamat, Johor membuat satu langkah pertama dengan mengadakan serta menguatkuasakan program Salam Ad-Dhuha sebagai medium komunikasi antara pelajar dengan pesyarah. Dengan pelbagai pengisian dalam program Salam Ad-Dhuha, pihak pengurusan Kolej Komuniti Segamat, Johor sangat berharap jurang komunikasi antara pelajar dengan staff dapat dikurangkan serta dapat membentuk hubungan rohani yang baik. Bersesuaian dengan mafhum surah al-Jumu’ah, ayat 2 iaitu

Terjemahan: *Dia-lah yang mengutus kepada kaum yang buta huruf seorang rasul di antara mereka, yang membacakan ayat-ayat-Nya kepada mereka, menyucikan mereka dan mengajarkan mereka kitab dan hikmah (al-sunnah). Dan Sesungguhnya mereka sebelumnya benar-benar dalam kesesatan yang nyata.*

Dimana ayat tersebut menerangkan tentang mekanisme pembangunan insan yang sebenar yang didasari oleh ketauhidan yang sebenar.

Jadual 5: Pelaksanaan Program “Salam Ad-Dhuha” pada masa akan datang
ITEM 10

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	1.00	1	1.4	1.4	1.4
	2.00	1	1.4	1.4	2.7
	3.00	10	13.7	13.7	16.4
	4.00	61	83.6	83.6	100.0
	Total	73	100.0	100.0	



Rajah 5: Pelaksanaan Program “Salam Ad-Dhuha” diteruskan

Berdasarkan Jadual 5 pula, 83.6% responden sangat bersetuju dan 13.7% bersetuju dengan item 10 iaitu berkenaan manfaat program dan kesinambungan program “Salam Ad-Dhuha” dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, 1.4% tidak bersetuju manakala 1.4% lagi responden sangat tidak bersetuju sekiranya program ini diteruskan pada masa akan datang. Secara keseluruhan, kita dapat merumuskan sebanyak 97.3 % sangat setuju program Salam Ad-Dhuha ini diteruskan di Kolej Komuniti Segamat, Johor seperti yang ditunjukkan oleh Rajah 5 sebagai aktiviti kerohanian yang perlu dilaksanakan seiring dengan pembelajaran TVET yang unggul. Bagi memastikan

program Salam Ad-Dhuha yang telah dilaksanakan selama hampir tiga tahun mempunyai kemuncak, pihak pengurusan Kolej Komuniti Segamat, Johor telah mengadakan program Salam Ad-Dhuha Perdana pada 31 Januari 2019 dengan pengisian masa selama dua jam. Dalam aktiviti Salam Ad-Dhuha Perdana ini, pihak pengurusan membuat kelainan sedikit dengan menjemput Pencetus Ummah Luar serta disajikan hidangan makanan yang lazat sebagai medium faktor tarikan para pelajar untuk mengikuti program Ad-Dhuha.

Jadual 6: Min Keseluruhan

	N	Minimu m	Maximu m	Mean	Std. Deviation
ITEM1	73	1.00	4.00	3.6301	.58942
ITEM2	73	2.00	4.00	3.5479	.52813
ITEM3	73	2.00	4.00	3.6027	.59488
ITEM4	73	2.00	4.00	3.6438	.53670
ITEM5	73	1.00	4.00	3.5342	.80073
ITEM6	73	1.00	4.00	3.6575	.62847
ITEM7	73	1.00	4.00	3.6575	.55825
ITEM8	73	2.00	4.00	3.6986	.54480
ITEM9	73	2.00	4.00	3.7260	.47901
ITEM10	73	1.00	4.00	3.7945	.52596
Valid N (listwise)	73				

Secara keseluruhannya, min keseluruhan soal selidik ini menunjukkan bahawa responden sangat bersetuju dengan pelaksanaan program “Salam Ad-Dhuha” dan responden dapat melihatkan impak keberkesanan pelaksanaan Salam Ad-Dhuha kepada pelajar Kolej Komuniti Segamat, Johor dan staf. Impak pengisian kerohanian melalui program “Salam Ad-Dhuha” dipersetujui boleh kita lihat hasil dapatan dari Jadual 6 di atas, di mana menunjukkan secara min keseluruhan responden sangat setuju dan setuju untuk meneruskan program “Salam Ad-Dhuha”. Perkara ini sangat disokong dengan kenyataan yang dinyatakan oleh Iman al- Ghazali bahawa kehidupan terbaik manusia berpandukan keseimbangan aspek pembangunan rohani dan fizikal kerana itu merupakan hakikat yang diperlukan oleh setiap roh dan jasad (Nik Azis Nik Pa, 2007). Perkara ini selari dengan konsep personaliti yang dikemukakan oleh Al-Quran, namun kepentingan aspek rohani lebih ditekankan berbanding fizikal dalam melahirkan insan yang kamil; iaitu perkaitan antara empat unsur rohani dalam diri manusia iaitu al-qalb, al-nafs, al-ruh dan al- ‘aql.

7.0 Rumusan dan perbincangan

Ini jelas menggambarkan program “Salam Ad-Dhuha” dapat memberikan impak yang berkesan dengan min keseluruhan responden sangat bersetuju adalah tinggi. Walaupun masih terdapat responden yang tidak mempunyai pandangan positif terhadap pelaksanaan program “Salam Ad-Dhuha”. Jumlah

responden yang kurang positif hanya minoriti atau 1.4% sahaja, dan pada pandangan penyelidik, perkara ini berlaku kemungkinan besar di atas kurang kesedaran responden berkaitan kebaikan solat dhuha.

Hasil dapatan kajian ini juga telah menunjukkan dengan jelas, bahawa sebanyak 97.3% responden sangat bersetuju dan bersetuju bagi melaksanakan program “Salam Ad-Dhuha” di Kolej Komuniti Segamat, Johor dan melihat keberkesanan yang positif bagi meneruskan program “Salam Ad-Dhuha” di Kolej Komuniti Segamat, Johor. Bagi menjelaskan kepentingan program “Salam Ad-Dhuha” ini, pihak Kolej Komuniti Segamat telah melaksanakan program “Salam Dhuha Perdana” pada 31 Januari 2019 dan penguatkuasaan program dhuha diletakkan dalam jadual waktu seperti PdP biasa bagi memastikan semua pelajar dapat menghadiri diri ke majlis ini.

Rujukan

Abd. Rashid Ahmad. (1995). Aspek-aspek Pendidikan dalam Solat. *Jurnal Usuluddin*, 2, 155-173.

Ahmad, Shukri Don, Yahya, Wan Abdullah, Wan Abd Rahman, Khudzri, Mohammed Ibrahim, Madiha, Mat Hussain & Shahril Fazli (2014). Penghayatan solat dan pengimarahannya masjid: kajian dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia. *2nd International Conference on Social Sciences Research 2014*. (pp. 9-10).

Ang Kean Hua. (2016). Pengenalan rangkakerja metodologi dalam kajian penyelidikan: satu kajian kes. *Journal home page*, 1(1).

Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Asas statistik penyelidikan*.

Fatimah Ali. (2007). Masalah sosial pelajar dan hubungannya dengan kemerosotan pembelajaran. *Jurnal Usuluddin*, 25, 145-154.

Hasna Bidin. (2016). *Pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar muslim di Johor*.

Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin, Mohd Ismail Mustari. (2015). Kefahaman ibadat solat fardu dalam kalangan pelajar muslim: kajian tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. *Sains Humanika*, 5(3).

Md. Baharuddin Abdul Rahman, Khairul Thalleh Mustafa & Abdul Mutalib bin Abdul Majid. (2017). *Asas pembangunan insan: program pembangunan akhlak pelajar*.

Mohd Murtadza Ahmad. (2019). *Pendidikan anak dengan solat*.

Muhammad Saiful Anuar Yusoff, Aziz Mohd Zain, Zawiah Seman. (2009). *Pelaksanaan ibadat solat di kalangan pelajar UiTM kelantan. kajian terhadap beberapa faktor terpilih.*

Nik Azis Nik Pa. (2007). *Harapan dan cabaran dalam pembangunan manusia", dalam ahmad mohamad said & khalidah salekan, eds., pembangunan insan – aspirasi dan realiti. selangor: Kolej Dar al-Hikmah.*

Salasiah Hanin Hamjah, Ermy Azziaty Rozali, Rosmawati Muhammad Rasit, Zainab Ismail (2012). *Perkaitan amalan spiritual dengan pencapaian akademik pelajar. ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education, 4(2), 51-60.*

Siti Nazilah Mat Ali, Khatijah Omar & Isma Rosila Ismail. (2006). *Menjana budaya ilmu di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi: satu anjakan paradigma.*